KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	25.08.22	MUKA SURAT	:	21
JABATAN	:	PERHILITAN			

BH250822

Maut diserang haiwan liar

Mangsa tak pernah mengadu diganggu binatang buas

Parit: Keluarga Norzi Jaafar, 58, yang ditemukan meninggal dunia dalam keadaan terlentang dengan kesan luka di leher di hadapan rumahnya di Kampung Merua di sini, Isnin lalu, tidak pernah mendengar mangsa mengadu mengenai gangguan haiwan liar di kawasan rumahnya.

Anak saudara mangsa, Shazlinda Muhd Khalil, 26, berkata mereka sekeluarga reda dengan kejadian yang menimpa Norzi yang dipanggil Ayah Ngah itu dan sudah dimaklumkan mengenai punca kematiannya, namun tidak mengetahui haiwan apa yang menyerang bapa saudaranya itu.

"Ayah Ngah memang tak pernah bercerita pada kami kalau ada gangguan haiwan di rumahnya dan ibu juga beritahu memang tiada haiwan di kawasan rumah itu kerana sebelum ini ibu juga membesar di sana.

"Cuma kawasan itu memang ada hutan, jadi tak mustahil kalau ada haiwan seperti babi hutan atau anjing liar," katanya ketika dihubungi, semalam.

Sementara penduduk Kampung Merua, Noor Ashikin Mohd Yusof, 42, berkata dia biasa melihat kera, babi hutan dan anjing liar di kawasan kampung, tetapi setakat ini belum mendengar cerita haiwan berkenaan menyerang penduduk sebelum kejadian menimpa mangsa.

Buru babi hutan

Dia turut mendakwa sebelum ini ada orang luar yang datang memburu babi hutan di kampung itu kadang-kadang meninggalkan anjing mereka.

Dalam pada itu, Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Perak, Yusoff Shariff ketika dihubungi mengesahkan pihaknya juga sudah pergi ke lokasi untuk siasatan lanjut, semalam.

Bagaimanapun, katanya, haiwan yang menyerang mangsa belum dikenal pasti setakat ini.